

# Qalam

Bilangan 64 – Rabi ’ulawal 1375 November 1955 – 60 Sen

Allāhumma Ṣalli Wa Sallim ‘Alayhi

Dalam bulan ini di mana-mana tempat tidak putus-putusnya kita merayakan hari keputeraan junjungan kita Muhammad (SAW) yang telah berjasa membawa agama Islam sebagai penyuluhan yang terang benderang kepada alam semesta. Sebagai Rasul (Pesuruh Allah) yang utama dan penamat kepada Nabi-nabi dan Rasul-rasul yang telah diturunkan Allah ke dalam dunia ini – sebagai pembawa agama Allah yang sempurna yang meliputi kepada kehendak dan kemahuan alam semesta.

Kita merayakan tidak lain kerana menunjukkan rasa cinta, dan memuliakan kepada jasa-jasa beliau yang besar yang menganjurkan kita kepada hidup berbahagia di dunia dan di akhirat nanti berbagai-bagi cara kita adakan dan di dalam masa zaman yang akhir ini kita, di beberapa tempat, terutamanya di bandar-bandar, mengadakan perarakan-perarakan guna menunjukkan kebesaran cinta kita kepada beliau.

Alhamdulillah, kita telah berjaya dari satu ke satu masa, menunjukkan perasaan kecintaan kita tetapi melihat kepada keadaan-keadaan di sekeliling kita hari ini melihat kepada acuman-acuman yang dihadapkan kepada Islam, sama ada daripada luar atau dari dalam maka tidaklah memadai sekadar itu sahaja – yakni dengan hanya menyambut dengan sambutan-sambutan yang besar. Sambutan-sambutan yang besar begitu tidak ada ertiinya dan tidak ada manfaatnya kepada junjungan kita. Yang dihajat oleh junjungan kita Muhammad (SAW) ialah seperti

yang disabdkannya: “Sampaikanlah olehmu daripada aku walau satu ayat sekalipun.”

Inilah hajat yang besar, inilah suruhan yang utama daripada junjungan kita Muhammad (SAW), yang kita rayakan hari keputeraannya, kepada kita, khususnya sekarang adalah dituntut supaya mengembangkan pengertian dan pengajaran beliau kepada umat dengan meneladani apa yang telah dijalankan oleh beliau. Kepada kita disuruh membuat langkah bahawa negara dan agama tidak boleh dipisah-pisahkan. Kepada kita sekarang terletak tanggungjawab yang besar untuk menjauhkan adanya khurafat-khurafat di dalam masyarakat kita, menjauhkan kepercayaan orang kepada kubur, mengikis jumud, mengikis bakhil, mengikis malas dan sebagainya – dan mencontohi apa yang dibuat oleh Rasul dan sahabat-sahabatnya iaitu memberi pengorbanan dan jihad untuk menegakkan kalimah Allah dan kesucian agama Islam.

Inilah yang kita kehendaki sekarang. Marilah kita mengikat persatuan, marilah kita mengikat tali ukhuwah Islamiyyah untuk menyampaikan suruhan Allah, untuk menyampaikan pesan dan amanah Rasulullah (SAW) yang kita cintai. Inilah yang dikehendaki dan inilah sahaja yang dihajati.

\* \* \*

## Kemenangan umat Islam di Indonesia

Sungguhpun berita-berita yang sampai kepada kita di sini tentang Pilihanraya di Indonesia seolah-olah pihak kebangsaan berjaya dan pihak Masyumi dan Islam kalah tetapi yang demikian adalah dakyah semata sebab sebenarnya jika dijumlahkan nyata umat Islam menang, sekalipun kemenangan itu tidak seperti yang diharap dengan sepenuhnya.

Hal yang demikian ini dapat kita perhatikan dengan adanya keterangan Tuan Muhammad Natsir, Ketua Umum Masyumi yang diantara lain-lain berkata: “Saya bergembira melihat hasil yang dicapai oleh Masyumi di Jakarta Raya, Jawa